

Menurut Peraturan 26(2) Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan mengadakan Peperiksaan Radio Amatir pada **17 Disember 2008**. Individu yang berminat dan berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan adalah dipelawa untuk mendudukinya. Butiran lengkap peperiksaan adalah seperti berikut:

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR 2008-2

Pusat Peperiksaan (Wilayah)	Tarikh & Masa Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan
Tengah, Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak	17 Disember 2008 Jam 2:00 Petang	24 Oktober 2008 Jam 5:00 Petang

Borang permohonan boleh diperolehi dari Ibu Pejabat SKMM, pejabat-pejabat wilayah SKMM dan melalui laman web SKMM di www.skmm.gov.my. Sila tuliskan perkataan "**RAE 2008-2**" di sudut atas kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM 50.00) dan perlu dijelaskan melalui Wang Pos Malaysia, Kiriman Wang atau Deraf Bank tempatan atas nama "SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA" sahaja dan disertakan bersama borang permohonannya. Sila kembalikan borang yang telah lengkap diisi ke pejabat wilayah SKMM, menurut pusat peperiksaan yang dipilih.

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM	Pegawai untuk dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Jalan Bagan Luar 12000 Butterworth Pulau Pinang	Puan Khalijah Ahmad Tel : 04 – 323 8228 Faks : 04 – 323 9448
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9 40100 Shah Alam Selangor	Puan Asiah Borhan Tel : 03 – 5518 7706 Faks : 03 – 5518 7710
SELATAN	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Selatan Suite 7A, Aras 7, Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bharu Johor	Puan Zaharah Tasrip Tel : 07 – 226 4700 Faks : 07 – 227 8700
TIMUR	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Timur B8004, Tingkat 1, Sri Kuantan Square Jalan Telok Sisek 25000 Kuantan Pahang	Encik Nazrul Syahril Salleh Tel : 09 – 515 0078 Faks : 09 – 515 7566
SABAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sabah 6-10-10, Tingkat 10, No. 6, Menara MAA Lorong Api-Api 1, Api-Api Centre 88000 Kota Kinabalu Sabah	Puan Dian Anggraini Tel : 088 – 270 550 Faks : 088 – 253 205
SARAWAK	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sarawak Aras 5 (Utara), Wisma STA 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim 93450 Kuching Sarawak	Encik Yusmin Ibrahim Tel : 082 – 346 500 Faks : 082 – 331 901

Pemohon adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan dalam borang permohonan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui pos selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh peperiksaan. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dari SKMM sehingga hari tersebut, adalah dinasihatkan untuk menghubungi Ibu Pejabat SKMM untuk pengesahan. Pegawai yang perlu dihubungi adalah Cik Ida Khairuniah Idris di talian +603-8688 8265.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Off Persiaran Multimedia

63000 Cyberjaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1005